

Introspeksi sejenak.

Lubang *di* Hati

TERBITAN



**NORAZAM KHAIR | SITI HAJAR | RASYDAN JUNUH | ALIF NORIZAN | FIKRI BAKRI | AMIRUL SYAFIQ
SAIFUL AQIL | KU SARAH | AMIR HAIDAR | AMIRAH AISYAH | DAYANG FARHANAH | SAKINAH AZMAN
SYARAH HUMAIRA' | ADHA MADANI | FARHANA AZMAN | UMMI SABARIAH**

ISI KANDUNGAN

SEGMENT 1 -

Destinasi Akhir Yang Dinanti	1
Siapa Kita Di Sisi Allah?	3

SEGMENT 2 -

Huda.....	4
Apakah Tujuan Saya Dihidupkan?.....	9

SEGMENT 3 -

Wujudkan Kebebasan Mutlak?.....	10
Seperti Burung Yang Terbang.....	13

SEGMENT 4 -

Bagaimana Keberadaan Saya Menjadi Erti Untuk Orang Lain?.....	14
Nilai Sekecil-kecil Perkara.....	16

SEGMENT 5 -

Bukan Masalah Tapi Rezeki.....	17
Kecilkan Masalahmu Dengan Meluaskan Pemikiranmu.....	20

SEGMENT 6 -

Cintailah Dirimu.....	21
Kehendak Nafsu vs Suruhan Agama.....	23

SEGMENT 7 -

Lebih Baik.....	24
Minda Positif, Minda Sihat.....	27

SEGMENT 8 -

Aturan Tuhan Bukan Kebetulan.....	28
Dunia Di Tangan, Akhirat Di Hati.....	32

SEGMENT 9 -

Cinta Dalam Dukungan Himmah.....	33
Aku Yang Sekarang Bukanlah Yang Dulu.....	39

SEGMENT 10 -

Bahagia Hakiki.....	40
Bahagia Orang Beriman.....	42

TIM RISALAH APIUM

MENTOR

Dr Nor Raudah Hj Siren
Nik Wafdi

PENKREATIF

Afiqah Razlee

EDITOR

Liyana Asri

KOLUMNIS

Norazam Khair
Siti Hajar
Muhammad Rasydan
Mohamad Fikri
Muhammad Alif
Mohd Saiful Aqil Naim
Muhammad Amirul Syafiq
Ku Sarah
Amir Haidar
Nur Amirah Aisyah

KARTUNIS

Nurul Adha
Dayang Farhanah
Nursyarah Humaira'
Nur Sakinah
Ummi Sabariah
Nurul Farhana

KONSEP/LAYOUT

Nur Izyanti Afiqah
Puteri Nazura
Hussain Hakimi
Ilham Hashim
Farah Hadfina

01

DESTINASI AKHIR YANG DINANTI

Aku masih lagi dalam perjalananku menuju destinasi akhir yang dinantikan. Aku berharap ketika aku sudah sampai disana, guruku masih disisi dan aku akan berkata kepadanya:

"Duhai guruku, aku telah sampai dengan keberkatanmu."

Aku bukanlah seorang yang lahir daripada keluarga yang berada, bukan juga berlatarbelakangkan keluarga yang bekerjaya hebat belaka. Aku hanyalah seorang budak lelaki biasa yang masih tidak mengetahui apakah tujuan hidupku yang sebenar. Para ilmuwan teologi mengatakan ilmu berkenaan keyakinan dan pegangan merupakan ilmu yang terpenting dek kerana setiap tingkah laku kita pasti berasaskan prinsip dan tujuan yang kita yakini dan percaya. Namun untuk diriku sendiri, aku belum menjumpai suatu prinsip yang aku boleh jadikan sebagai paksi untuk bergerak, tiang untuk berpaut dan peta untuk diikuti. Maka disinilah bermula pencarian prinsip kehidupan yang aku perlukan selama ini.

Ketika aku berada di sekolah menengah, aku hanyalah seorang pelajar biasa yang mengikuti rakan-rakanku yang lain dalam bergaul. Aku juga bukanlah pelajar yang benar-benar bijak dan hebat dalam pelajaran mahupun tingkah laku. Aku hanya ingin menjadi pelajar biasa yang mempunyai rakan dan berjaya

mendapatkan kerja tetap setelah tamat pengajian nanti. Aku tidak mempunyai sebarang cita-cita besar dalam kehidupanku. Sekadar ingin menjadi lelaki biasa yang berkeluarga dan menjaga hubungan yang baik sesama manusia dan menjaga ibu ayahku setelah aku mampu. Ianya merupakan cita-cita yang biasa didengari oleh rata-rata pelajar ketika itu.

Namun kesemuanya berubah setelah aku bertemu dengan seorang guru yang bernama 'Ustaz Zamzuri'. Beliau merupakan seorang guru dalam bidang akidah yang amat disegani dan dihormati di sekolah tersebut. Bidang yang beliau ceburi itu merupakan salah satu subjek aku minati semenjak sekolah rendah lagi namun aku tidak pernah bercadang untuk menjadikan bidang ini sebagai cita-citaku pada dewasa kelak. Apabila aku mula mendekati beliau dengan meminta nasihat dan bertanyakan soalan, aku dapati suatu perkara yang menakjubkan pada beliau. Soalan yang aku tanya itu sebenarnya aku sudah tahu namun

aku ingin mengetahui sudut pandang beliau sendiri. Ternyata sudut pandang beliau amat menakjubkan aku lantas membuatkan aku ingin menjadi pelajarnya yang rapat.

Hari demi hari aku bersama beliau, beliau bukanlah seorang guru yang sekadar mengajarkan ilmu, namun beliau amat menekankan aspek kehidupan. Beliau menegaskan bahawa kehidupan kita di dunia ini tidak memadai hanya dengan selesa dengan pekerjaan, berkeluarga dan mencari rezeki. Kehidupan kita ini lebih daripada sekadar itu. Kita perlu berkhidmat untuk agama kita berdasarkan bidang yang kita ceburi. Tidak perlu sekadar menjadi baik, namun perlu menjadi yang terbaik. Masyarakat memerlukan setiap daripada kita untuk memberikan sumbangan terhebat kita berdasarkan bidang kita. Kenyataan ini sangat membuatkan aku tersentak, seolah-olah tersedar daripada mimpi. Seakan-akan aku sudah bazirkan umurku selama ini dengan perkara yang sia-sia. Aku pun mula mencuba menjadi yang terbaik dalam bidangku iaitu teologi dan akidah berbekalkan niat yang murni serta nasihat guruku, seolah-olah setiap langkahku dipermudahkan.

Hal ini mengingatkan aku kepada kata-kata Denzel Washington ketika anaknya bertanya kepadanya:

"Mengapa saya yang perlu menjadi yang terbaik?"

Denzel menjawab: "Mengapa tidak?"


Jawapan yang ringkas ini amat bermakna buat mereka yang mendalaminya, kita sering tertanya mengapa perlu menjadi yang terbaik sedangkan apa yang perlu fikirkan ialah mengapa kita tidak mencuba menjadi yang terbaik? Teringat aku akan sabda Baginda SAW bahawa seseorang itu akan dipermudahkan untuk lakukan perkara yang dia diciptakan untuk lakukannya. Betapa gembiranya aku memikirkan bahawa tujuan utama aku diciptakan ialah untuk berkhidmat kepada masyarakat dalam bidangku ini.

SIAPA KITA DI SISI ALLAH?

Walau siapapun kita
di dunia ini,



Kita tetap hamba Allah



Mei Ling memerhatikan gelagat pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Pisang yang dihantar ibu bapa melalui tingkap kelasnya. Kedudukan kelasnya yang berada di tingkat dua membolehkan dia melihat semuanya. Ada yang berlumba-lari siapa yang sampai dahulu ke kelas.

"Macam budak-budak." Bisik hati kecilnya. Ada yang hanya berbual-bual sambil berjalan menuju ke kelas masing-masing. Tersenyum Mei Ling melihat gelagat mereka.

Berada berseorangan begini membuatkan dia teringat kepada kedua-dua ibu bapanya yang berada di Kuala Lumpur. Bagaimana agaknya keadaan mereka?

"Harap- harap mereka sihat" katanya dalam hati. Kolam matanya mula bertakung apabila mengingati ibu bapanya.

Tidak! Dia harus kuat. Dia yang memilih jalan ini. Bukannya dia tidak mahu tinggal bersama orang tuanya di rumah mewah mereka di bandar. Namun, dia sering keseorangan apabila ibu bapanya pergi bekerja membuatkan dia mengambil keputusan untuk tinggal bersama atuk dan neneknya di kampung.

Pada awalnya, ibu bapanya menentang.

Setelah Mei Ling mendesak, keizinan diberi, fikirnya apabila dia tiada di depan mata orang tuanya akan membuatkan mereka lebih mengingatnya tetapi lain pula yang jadi. Ibu bapanya hanya memasukkan wang ke dalam akaunnya setiap bulan. Menelefon bertanya khabarnya juga jarang-jarang sekali.

"Mei Ling, awalnya awak datang." Tegur Anis sambil meletakkan beg di tempat duduknya di sebelah Mei Ling. Dia pelik melihat Mei Ling yang masih diam tidak bereaksi. Apalagi melihat mata Mei Ling yang sedikit merah. Dia menepuk bahu Mei Ling. Mei Ling yang mulai sedar dari lamunannya itu, mengesat-ngesat matanya.

"Awak ada masalah ke?" Tanya Anis lembut.

Mei Ling menggelengkan kepalanya, "Tak de apa-apalah." Dalihnya.

"Kalau awak ada masalah, ceritalah dengan saya. Saya sudi mendengar." Anis cuba memujuk.

Mei Ling menggeleng lagi. Hatinya sedikit terusik dengan keprihatinan yang ditunjukkan Anis.

"Maafkan saya, saya belum bersedia."

Dia mengeluarkan diarinya dari beg. Segala isi hatinya ingin dicoretkan dalam buku itu.

"Bila awak dah bersedia, awak ceritalah!" Ceria suara Anis sekurang-kurangnya. Mei Ling sudah mula memberi reaksi terhadap apa yang dicakapnya. Sejak hari pertama dia berpindah ke situ seminggu yang lalu, baru hari ini Anis mendengar dia mengeluarkan suara.

Mei Ling berjalan menuju ke kelasnya bersama Anis setelah selesai perhimpunan ahad. "Mei Ling, awak nak sertai pertandingan NILAM tak?" Anis memecah kesunyiaan diantara mereka berdua.

"Wah, menarik juga tu. Boleh-boleh." Reaksi ceria Mei Ling membuatkan Anis berpaling kearahnya dan turut melemparkan senyuman. "Erm... Anis, kamu ada buku apa-apa tak yang boleh saya baca? Selalunya sewaktu saya tinggal di Kuala Lumpur, saya akan pergi ke kedai buku berdekatan untuk membeli, tapi sekarang di kampung agak sukar untuk keluar bandar."

Anis tersenyum, dia sedar Mei Ling merupakan orang berada. Apa sahaja yang dihajati pasti ditunaikan. Berbeza dengan dirinya sebagai anak kepada seorang penoreh getah. "Ada, nanti saya bagi kat awak."

Mei Ling mengangguk. "Baiklah."

Mei Ling berbaring di atas katil didalam biliknya, dia memandang kipas yang berputar di siling dan memikirkan kembali perbualannya dengan Anis di sekolah tadi.

"Nah." Anis menyerahkan buku yang dipinjam kepada Mei Ling.

"Terima kasih." Dia membaca tajuk buku, *Dimana dia dihatiku?* karya Ustaz Pahrol Mohd Joui.

"Buku ini berkisarkan mengenai ketuhanan tapi lebih kepada Tuhan agama Islam la. Awak nak ke pinjam buku ni?"

Mei Ling tersenyum, "erm, tak pa, saya pinjam, asyik baca novel ja, saya nak ubah angin pula." Anis mengangguk setuju.

Mei Ling bangun dan menuju ke meja belajarnya. Dia mengambil buku milik Anis. Hatinya jadi ragu-ragu. Sedangkan di sekolah tadi dia begitu yakin. Adakah dia patut membaca buku itu atau tidak? Tanpa menyedari tangannya telah menyelak helaian pertama.

"Awak dah baca buku tu?" Tanya Anis sambil membuka bekal nasi yang dibawanya.

"Dah." Balas Mei Ling dengan ringkas, sambil menyuapkan karpap kedalam mulutnya. Anis mula bertanya mengenai pendapat Mei Ling mengenai buku yang diberikannya itu. "Boleh la, tapi saya ada soalan... " Anis mengangkat keningnya, "Terkadang saya terfikir, kenapa kita dihidupkan di dunia ini?"

Anis mengambil air lalu meneguknya sebelum membuka bicara, "Mei Ling, kalau tiba-tiba suatu hari kita terbangun dari tidur dan berada dalam sebuah kereta api, tentu kita akan fikir kemanakah destinasi yang hendak dituju bukan?"

Mei Ling hanya angguk lalu menyuapkan nasi goreng ke dalam mulutnya, "Jadi dalam Islam, Allah menjelaskan tentang dua peranan utama manusia di dunia iaitu sebagai hamba-Nya bagi beribadah dan khalifah untuk makmurkan muka bumi ini. Jadi bagi penganut Islam, segala kerja buat kami hanya berkisar dua perkara utama ini, dan paling penting, dunia ini bukanlah destinasi terakhir kita, disana kelak kita akan dihimpunkan kembali."

"Bagaimana dengan kotak hitam yang orang Islam sembah di Saudi? Tu berhala ke? atau Tuhan?" Soalan kedua Mei Ling menyebabkan Anis ketawa kecil.

"Maksud kamu kaabah ke? Itu bukan tuhan ataupun berhala, kami umat Islam tidak menyembahnya. Kami diperintahkan untuk memalingkan wajah kami ke kaabah apabila melakukan ibadah kerana itu adalah suruhan Allah kepada kami. Adapun kaabah itu, jika dipindahkan ke tempat lain sekalipun, umat Islam akan tetap menghadap ke situ arahnya kerana kami tidak menyembahnya disebabkan diri kaabah itu melainkan arah yang disuruh Tuhan kami." Mei Ling angguk tanda faham.

'Kriiiiingggg'

Bunyi loceng memberhentikan perbualan mereka.

"Minumlah." Anis menghidangkan teh panas kepada Mei Ling. Adik Anis menyusul dari belakang membawa sepinggan pisang goreng panas.

"Ada apa awak nak jumpa saya?" Kedatangan Mei Ling secara mengejut pada petang itu menimbulkan persoalan di hati Anis.

Mei Ling diam seketika. "Sebenarnya... Erm... Saya nak belajar pasal Islam." Akhirnya terkeluar juga kata-kata itu daripada bibir Mei Ling walaupun sedikit tergagap.

"Alhamdulillah..." Anis terus menarik Mei Ling dalam pelukannya.

Lama-kelamaan Mei Ling telah memeluk Islam dan menukar namanya kepada Nur Huda binti Abdullah Tan. Nur Huda pula membawa maksud cahaya petunjuk.

"Papa! Mama!" Mei Ling berlari dari tingkat atas rumah ke arah papa dan mamanya yang sedang duduk bersama nenek dan atuknya di sofa ruang tamu. Encik dan Puan Tan datang menjenguk Mei Ling hari ini. Melihat anak mereka, Encik dan Puan Tan segera bangun.

Langkah orang tua Mei Ling terhenti ketika melihat penampilan anak mereka. Anak mereka kini sudah bertudung. Mei Ling menghulurkan tangan untuk salam dengan kedua orang tuanya namun tidak berbalas.

"Mama, apa dah jadi dengan anak saya? Kenapa dia bertudung? Mama dan papa buat apa pada dia?" Bertubi-tubi soalan diajukan kepada atuk dan nenek Mei Ling.

"Mama! Papa! Jangan salahkan atuk dan nenek, mereka tidak tahu apa-apa. Keputusan memeluk Islam keputusan saya sendiri." Mei Ling cuba menjelaskan situasi sebenar, mama dan papanya begitu terkejut.

"Kamu fikir ini perkara main-main? Mesti ada yang menyuruh kamu! Cepat beritahu papa siapa yang paksa kamu?" Papa Mei Ling mula memeluk tubuhnya, muka kedua-dua orang tuanya itu kelihatan merah.

"Tiada sesiapa pun yang menyuruh saya, saya yang pilih untuk memeluk agama ini." Mei Ling mendekati mamanya yang duduk di sofa dan cuba meraih tangannya namun ditepis. Dia tidak tahu bagaimana ingin menjelaskan lebih lanjut mengenai perkara ini.

"Lebih baik kamu keluar dari agama ini!" Nada yang lantang dikeluarkan oleh mama Mei Ling.

"Tidak, saya tetap dengan keputusan saya." Tegas Mei Ling. Kemarahan mama bertambah apabila mendengar keputusan Mei Ling.

"Mama tak nak ambil tahu, keluar dari agama itu atau kamu bukan lagi sebahagian dari kami." Tegas sekali kata-kata mama kepada Mei Ling.

Air muka atuk dan neneknya begitu keruh. Mei Ling masih ingat pesanan atuk dan neneknya sebelum datang papa dan mamanya, "kami akan sokong setiap keputusan kamu", atuk menepuk bahu Mei Ling sambil berkata "kami masih bersama kamu", sokongan atuk memberikan keyakinan kepadanya.

"Kalau begitu, kamu bukan lagi anak kami, keluar dari rumah ini." Lantang suara Puan Tan sambil menunjukkan jari ke arah pintu rumah sebagai isyarat untuk anaknya itu keluar dari rumah.

"Awak fikir baik-baik, Mei Ling ni anak kita, tak kan awak nak buang dia kerana ini?" Pujuk papa.

"Awak ingat perkara ini kecil? Apa saya nak jawab dengan ahli keluarga saya nanti. Keputusan muktamad." Puan Tan terus ke dapur.

Mei Ling jatuh terduduk. Nenek sempat menyambut belakangnya, "Sabar Mei Ling, papa akan pujuk mama."

Mei Ling menggeleng, "Ini keputusan yang saya ambil, jadi saya harus terima apa-apa pun risikonya."

Mei Ling bangun dan salam papa, atuk dan neneknya. Dia melangkah keluar dari rumah dengan linangan air mata. Namun hatinya tetap tabah. Sementara mamanya hanya menjeling dari dapur dan menangis mengenangkan anaknya itu. Di luar, hujan mula turun membasahi bumi.

Terlepas gagang telefon dari tangan Puan Tan. Dia jatuh terduduk. Encik Tan yang duduk diruang tamu terus menerpa ke arah isterinya.

"Kenapa ni?" Dia mengambil gagang telefon itu dan mendengarnya, "Helo?" papanya turut tersentak mendengar perkabaran yang disampaikan.

Mei Ling terlibat dalam satu kemalangan jalan raya. Keadaannya parah dan kini sudah berada di Hospital Sungai Buloh.

Atuk dan neneknya mula mengalirkan air mata. Puan Tan menjadi tidak keruan bila teringat kembali apa yang dibuatnya pagi tadi.

"Mei Ling bangun nak, maafkan mama." Genggaman kuat tangan Puan Tan sukar dilepaskan. Penyesalan masih menyelubungi dirinya apabila teringat kembali apa yang dikatakan pada Mei Ling. "Kalau saya tak halau dia, pasti semua ini tak berlaku."

Neneknya hanya mampu menyusap kepala cucunya yang masih terbaring tanpa sedarkan diri sambil titisan air mata jatuh mengalir.


Malam itu, Puan Tan menemani anaknya di hospital. "Bangun lah nak, mama janji tidak akan menghalang keputusan kamu", esakannya masih tak berhenti sejak petang tadi, dirinya kini penuh dengan kekesalan dan hanya berharap agar anaknya sedar.

"Mama?" Suara perlahan memecahkan suasana sunyi didalam wad tersebut. "Mei Ling? Kamu dah sedar!" Jeritan terkejut Puan Tan menyebabkan beberapa jururawat di luar bergegas masuk untuk memeriksa Mei Ling.

"Terima kasih Mei Ling kerana sudah bangun, tolong jangan pergi lagi... Maafkan mama", sambil menyestet air mata di pipinya. Puan Tan turut memeluk tubuh anaknya itu.

"Alhamdulillah mama, saya bersyukur kepada Allah kerana masih diberikan peluang." Suara lemah Mei Ling menyebabkan mamanya lebih erat memeluk.

APAKAH TUJUAN SAYA DIHIDUPKAN?



03

WUJUDKAH KEBEBASAN MUTLAK?

Aku merupakan seorang pencari dan pejuang kebebasan. Aku yakin bahawa kebebasan mutlak itu wujud dan perlu diberi kepada setiap manusia kerana setiap manusia dijamin kebebasannya melalui Universal Declaration of Human Rights (UDHR) yang telah diisytiharkan dan diamalkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu di Paris pada tahun 1948.

Namun, saban hari aku merasakan bahawa kebebasan yang dicanang ini hanya retorik dan bukan realiti. Aku merasakan bahawa setiap manusia yang cuba bebas secara mutlak pasti akan didakwa atau disabitkan kesalahan di bawah undang-undang sesebuah negara. Lalu aku terfikir, adakah undang-undang setiap negara merupakan penghalang terbesar bagi mencapai kebebasan mutlak dalam hidup? Aku yakin, setiap manusia perlu bebas dari sebarang tindakan undang-undang kerana setiap manusia berhak melakukan apa yang dia mahukan tanpa sebarang paksaan dan juga arahan.

Lalu, episod mencari kebebasan telah berjalan. Hari demi hari, bulan demi bulan, tahun demi tahun aku telah melakukan pencarian dan kajian mendalam terhadap undang-undang yang telah mengekang hak kebebasan setiap

individu di negara-negara dunia. Aku terus mencari, wujudkah negara tanpa undang-undang? Wujudkan negara yang memberikan setiap rakyatnya kebebasan mutlak? Wujudkan sebenarnya konsep kebebasan yang telah dilaung-laungkan oleh pertubuhan bangsa-bangsa bersatu ini atau ia hanya slogan retorik?

Misi pencarian berterusan sehingga aku telah meluaskan pencarianku kepada beberapa buah negara. Aku telah merantau dari benua ke benua, dari negara ke negara dan dari kawasan ke kawasan. Bacaanku meluas dari zaman silam hingga zaman kini, lalu aku tersentak dengan beberapa fakta dan angka yang telah aku temui sepanjang proses pencarian jawapan terhadap segala persoalan yang bermain di mindaku. Setiap negara, negeri, daerah mahupun kawasan yang mempunyai sejarah kehidupan tanpa undang-undang pasti akan menemui jalan mati dan kehancurannya sendiri. Aku melihat bagaimana Somalia, Sahara Barat di Afrika, Charan di Mexico dan beberapa kawasan yang lain yang cuba untuk hidup tanpa undang-undang dan mempraktikkan kebebasan mutlak yang hanya akhirnya membuahkan kehancuran dan pergolakan yang tidak berpenghujung.

Aku mula putus asa, aku rasa seolah-olah

ditipu dan dikecewakan. Aku mula rasa bahawa slogan kebebasan yang dicanang saban tahun hanyalah permainan dan propaganda sesetengah kumpulan demi meraih kepentingan sendiri. Aku mula sedar bahawa peraturan dan undang-undang merupakan satu keperluan bagi menjamin keharmonian dan kestabilan sesebuah negara. Benar, manusia itu perlu diberi hak kebebasannya. Namun ia perlu ada garis hujung yang menyekat daripada manusia bersifat melampaui batas. Kebebasan mutlak yang dicanang oleh golongan tertentu hanyalah teori semata-mata namun dari sudut praktikalnya ia adalah satu perkara yang sangat mustahil untuk dilaksanakan.

Aku mula percaya bahawa undang-undang dan peraturan memainkan peranan yang besar dalam membentuk sifat kemanusiaan seorang manusia. Tanpa peraturan, manusia bebas melakukan apa sahaja kehendaknya tanpa batasan dan larangan. Lalu, manusia mula mencerooboh hak orang lain, mula hidup tanpa ada arah tujuan dan bimbingan, yang lebih teruk, manusia akan mula hilang sifat kemanusiaannya akibat tiada had dan batasan dalam kebebasan hidup yang mereka amalkan sehari-hari.

Kawanku, inilah kehidupan yang Tuhan ingin kita amati dan pelajari setiap kisahnya. Wujudnya peraturan negara bertujuan menjaga hak setiap rakyatnya. Konsep mudah dan sangat realistik perlaksanaannya. Ini baru bercerita tentang kehidupan bernegara dan di dunia. Apatah lagi bercerita tentang kehidupan kita selepas dibangkitkan di padang mahsyar kelak. Kalau kehidupan

sekejap di dunia ini pun sudah memerlukan aturan dan undang-undang, kehidupan yang jauh kekal di alam sana lebih-lebih lagi memerlukan panduan dan peraturan yang perlu kita ikuti dan patuhi.

Hakikatnya, tiada negara atau entiti yang benar-benar liberal (bebas) di muka bumi ini. Setiap negara pasti dibina dan dikukuhkan dengan undang-undangnya sendiri. Lain padang lain caranya mendidik rakyat agar dapat hidup dalam harmoni tanpa perbalahan. Kita ambil contoh seperti Amerika, negara yang kononnya sebagai pejuang hak asasi nombor satu dunia, kononnya merupakan negara yang paling liberal dan meraikan kebebasan mutlak. Walau kelihatan sebagai jaguh dalam memperjuangkan nilai liberal, demokrasi dan pluralisme, mereka juga masih terikat dengan dasar dan lobi gerakan Zionis dari sudut politiknya. Dari sudut ekonomi pula, mereka terikat dengan para kapitalis yang menekan agar dasar prokapitalis akan terus dilaksanakan, bagi pejuang hak asasi manusia pula akan sentiasa terikat dengan golongan yang sentiasa menuntut haknya sehingga mereka pula mula mencabul hak orang lain.


Begitulah ironinya dunia, negara yang paling terkehadapan memperjuangkan kebebasan, mereka jugalah antara negara yang paling banyak terikat dengan pelbagai entiti dan gerakan. Inilah yang Tuhan mahu kita belajar dan tekuni. Hidup akan sentiasa diikat oleh sesuatu, sama ada kita mahu ataupun tidak. Kehidupan bebas mutlak adalah satu perkara yang mustahil mahu dari sudut undang-undang ataupun falsafah kemanusiaan.

Jadi pilihlah kita mahu diikat kebebasan kita oleh siapa, kita mahu kebebasan kita diikat oleh agama yang merupakan arahan dari Tuhan yang tiada cacat celanya atau kita ingin diikat dan diperhambakan oleh ideologi ciptaan manusia yang penuh dengan kekurangan dan kelemahan. Hidup adalah tentang pilihan, maka pilih kita ingin bersama siapa.

Sejak dari itu aku mula memperjuangkan nilai kebebasan yang sentiasa diikat oleh agama. Aku sedar bahawa agama merupakan solusi terbaik dalam menyelesaikan soalan yang terbuku di mindanya sekian lama. Agama bukan sebagai entiti menyekat kebebasan, namun ia sebagai satu garis akhir untuk menghalang kita dari sikap melampaui batas terhadap diri kita sendiri.

| *Indahnya hidup beragama.*

SEPERTI BURUNG YANG TERBANG



04

BAGAIMANA KEBERADAAN SAYA MENJADI ERTI UNTUK ORANG LAIN?

Selepas aku mengembara mencari jawapan kenapa Allah ciptakan aku dalam filem kehidupan ini, aku temuinya dari ibu, guru-guru, orang-orang lama dan pembacaanku. Jelas di sisi aku jawapan kepada persoalan 'aku dari mana, kenapa aku diciptakan, selepas ini (mati) ke mana aku pergi, siapa aku, apa tujuan aku, apa kemahuanku sebenar' malahan soalan penting bagiku, '*what is the biggest secret of me being a muslim?*' Satu persatu Allah berikan jawapan apabila aku berusaha mencari, terdapat jawapan yang memerlukan *a lot of effort* dan ada jawapan itu ada di depan mata, tapi hatiku buta untuk melihatnya. Sesudah permusafiran tersebut, timbul persoalan-persoalan baru sekitar apa erti kehadiran aku untuk orang lain?

Aku mulakan langkah pencarianku dengan nama Allah Al-Mujib yang Maha Mengabulkan.

I KNOW I AM A MUSLIM, SO WHAT IS MY ROLE?

Aku target untuk menjadi golongan yang menjadikan dunia ladang akhirat kerana mereka faham benar hakikat kehidupan. Firman Allah dalam Surah al-An'aam: 32, "Dan tiada kehidupan dunia itu selain daripada main-main dan gurau senda sahaja dan sesungguhnya kampung akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Tidakkah kau fahami."

Berjaya menjawab satu soalan kecil iaitu 'Kenapa aku perlu hidup untuk Islam?' Aku sedar sebagai manusia menyandang peranan khalifah di muka bumi ini dengan konteks bumiku sekarang ialah Universiti Malaya (UM). Pensyarahku, Dr Azmil Zainal Abidin menunjukkan arah permusafiran aku dengan memahami maksud tugas khalifah iaitu memberi kebaikan buat diri sendiri (self-love), orang lain (mahasiswa UM), malahan persekitaran. Melakukan tugas ini, barulah bumi UM ini akan makmur dengan pembangunan bersifat material dan metafizik, keamanan dan keampunan dari Allah. *So, this is my role as a khalifah in University Malaya. Noted.*

HOW TO FULFILL MY ROLE FOR ISLAM?

Aku mula tafakkur, bertanya guru, minta pendapat sahabat-sahabat, and *I got my answer for this question.* Aku sedar yang aku memiliki sedikit kelebihan dan banyak kekurangan, jadi aku memerlukan satu *team* yang dapat memaksimumkan kelebihanku dan menampung serba kekuranganku, bak kata fans Liverpool: "*You'll never walk alone.*" Jadi aku sahut kata itu dengan aku usaha untuk tak bergerak sorang-sorang, takut! Aku memilih satu *team* yang pada hemat aku ia bermatlamatkan reda Allah, *masalah* Islam, intelektual dan profesionalisme mahasiswa serta kebajikan mahasiswa iaitu Persatuan Mahasiswa Islam (PMIUM).

Bagi aku, ini lah cara aku memanisfestasikan syukur aku terhadap nikmat-nikmat Allah dan aku ingin nikmat tersebut kekal denganku. Menurut Ibn 'Atha'illah, orang yang mensyukuri nikmat ialah orang yang mengikat nikmat tersebut dengan ikatan-ikatannya. Oleh itu, nikmat tersebut akan kekal dengan izin Allah selagi mana aku guna nikmat tersebut kepada tujuan asal ianya diberikan, itulah maksud istilah syukur oleh Syeikh al-Sowi. Dari tahun pertama sehingga sekarang, aku masih berkhidmat untuk PMIUM sebagai jawapan bagaimana aku hidup untuk Islam secara umumnya. Bila ditanya bagaimana hendak bersyukur dengan nikmat secara praktikal dalam konteks mahasiswa, apa yang terlintas dalam benak fikiran aku? Selain melafazkan *tahmid* dan *istirja'*, berkhidmat dengan PMIUM ialah jawapanku.

SIAPAKAH AKU, MAHASISWA AKADEMIK ATAU MAHASISWA AKTIVIS?

Aku mencari lagi, karakter apa yang aku ingin miliki? Aku nak dikenali sebagai budak 'mengaji' atau budak persatuan? Arghhh, aku tak kisah apa orang nilai, yang penting aku tahu dan jelas dengan perjalanan aku. Aku tak boleh sombong dan ego, aku perlu rujuk dengan pelbagai guru dan pensyarah bukan satu sahaja tentang perihal ini, aku perlu banyakkkan bacaan dan dengar pengalaman senior yang pada penilaian aku mereka seimbang. Lalu aku mendapat jawapan yang aku kira cukup. Selama ini, aku dan rata-rata mahasiswa selalu mengklafikasikan adanya mahasiswa akademik dan mahasiswa aktivis. Satunya jenis yang kutu buku, kerjanya jaga CGPA diri sendiri, belajar

sahaja manakala yang satu lagi asyik dekat Bangunan Canseleri, tengah jalan dan lain-lain.

Pada hakikat, dua pakej ini tak boleh dipisahkan, harmonikan keduanya. Kalau ingin jadi aktivis, jadilah aktivis yang berwawasan, berintelek tinggi, ber-referensi, ulat buku dan sebagainya. Kalau tak, akan wujudlah akitivis yang tak jelas visi, misi, target dan lain-lain. Sama juga, mahasiswa akademik banyak membaca tapi tak faham apa gunanya ilmu, apa peranan mahasiswa dan lain-lain. Universiti bukan zaman mengejar nilai dan pengajaran tapi pengaplikasian ilmu itu sendiri. Apa gunanya banyak ilmu, tapi tak bermanfaat untuk orang sekitar?

Sambutlah sabdaan Rasulullah SAW: "Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat bagi manusia." Mahasiswa ini sudah dewasa maka perlu mempunyai rasa tanggungjawab terhadap dunia sosial mereka dan bukan masa untuk mengkritik antara satu sama lain, bak kata Ustaz Pahrol Mohamad Juoi:

"We are here to complete, not to compete."

NILAI SEKECIL-KECIL PERKARA



Dari Abi Hurairah RA dari Nabi SAW, baginda telah bersabda:

“Aku telah melihat seseorang yang bersenang-senang di dalam syurga kerana dia telah membuang kayu yang berjuntai di jalan dan kayu tersebut mengganggu orang yang lalu”

(HR Muslim)

sakinah

Pada suatu petang hening, Aisyah duduk menekur tasik di salah satu pondok wakaf Tasik Varsiti Universiti Malaya seraya bersuara:

"Mir, tolong fahamkan aku kenapa manusia selalu ada masalah. Aku terfikir tentang kenyataan pensyarah aku dalam kuliah pagi tadi. Katanya, manusia yang tiada masalah sebenarnya tanda dia bermasalah, tapi aku tak nampak di mana justifikasinya."

Amirah membetulkan duduknya. Faham benar jika soalan seperti ini diajukan oleh sahabat baiknya, ada sesuatu yang berat sedang melemaskan dia dalam lautan perasaan. Amirah atau lebih mesra disapa Mir menarik nafas sedalam-dalamnya dan cuba menyusun perkataan terbaik untuk menjawab.

"Syah, kalau lampu bilik kau rosak, kau buat apa?" Retoriknya.

"Baiki? Ataupun aku beli je yang baru." Jawab Aisyah.

"Benar. Macam tu juga hidup." Sambung Amirah.

Soalan dan kenyataan Amirah menambahkan lagi kerutan di wajah Aisyah. Dia yang sedari tadi menekur tasik, mula mengubah pandang ke arah sahabat disebelahnya meminta jawapan lanjut dan berharap Amirah tidak biarkan dia meneka sendirian.

"Kau tahu kan... yang Allah takkan biarkan manusia beriman tanpa ujian? Allah turunkan ujian buat umat terdahulu, serupa itu juga kita akan hadapi. Cuma, berbeza bentuk ujian walau konsepnya sama. Allah akan uji melalui lapar, dahaga, ketakutan, anak pinak, isteri-isteri, harta dan banyak lagi. Tapi kalau difikir, orang tak beriman pun diuji perkara sama. Betul?"

Aisyah mengangguk.

"Itu sebab, ujian yang diberikan kepada mereka, Allah beri atas dasar namanya yang Al-Rahman. Masalah atau ujian yang diturunkan tak lebih dari sekadar mengajar erti hidup di dunia, terbatas hingga belajar penyelesaian masalah. Lumrah, kegagalan akan lebih membekas berbanding kejayaannya. Adapun orang beriman, dia akan belajar penyelesaian masalah, dan dia juga lebih mudah menambah kecintaannya kepada Tuhan. Apatah lagi jika masalah yang dia hadapi, mempunyai kaitan langsung dengan ibadah yang dia lakukan hari-hari.

Kita dapat teguk manfaat nama-Nya yang mulia, Al-Rahim; suatu pandangan belas kasihan yang menambah rasa sayang berpanjangan, dari dunia hingga

...TAPI REZEKI”

akhirat." Amirah menyambung. "Okey, aku makin faham sekarang. Maksud kau tadi, masalah tu datang untuk kita ambil manfaat kan?" Jawab Aisyah.

Amirah mengiyakan dan menyambung,

"Bagi aku pandangan yang tepat tentang cara pandang sesuatu masalah adalah dengan menganggapnya sebuah rezeki. Kalau kau rasa untung dapat menyambung Syariah Ekonomi di UM, kau patut rasa benda sama apabila kau belajar daripada masalah. Kalau kau sebelum ni tak pernah tahu cara baiki lampu, akhirnya bila rosak baru kau tahu itu antara kemahiran asas hidup. Orang yang rasa diri dia tak ada masalah, cenderung untuk tak belajar daripada peristiwa-peristiwa hidup dia dan ulang kembali di masa depan. Kan rugi tu? Hidup cuma sekali, tetapi masa terbazir mengulang silap lalu."

Tersenyum Aisyah mendengarnya. Bak meminum air sparkling soda di tengah terik matahari, sungguh menyegarkan mindanya yang tepu dengan segala macam hal yang membelenggu. Namun ada sesuatu yang masih belum terjawab.

"Tapi Mir, macam mana kalau tak jumpa jalan nak selesaikan masalah tu?"

Sumbing bibir Amirah, sudah mengagak itulah soalan seterusnya.

"Ada satu kaedah yang Allah ajar, iaitu kalau kita tak tahu, kita tanya orang yang lebih tahu. Intipatinya, jangan pendam sendiri, rujuk mereka yang kita percaya keilmuannya. Dan Allah beri saranan untuk kekal sabar dan solat sepanjang proses hadapi masalah. Macam lampu rosak kau tadi, kalau kau terus tukar baru, ada kemungkinan kau bazir duit sebab lampu yang ada cuma perlu tukar starter, bukan mentol. Solusinya? Tanya atau cari tahu dulu cara baiki, yang mana itu perlukan kesabaran. Barulah kita tahu tindakan yang perlu dibuat. Simbolik solat tu untuk tunjukkan yang berkuasa beri penyelesaian hanya Dia, dan seharusnya hati akan lebih tunduk mengagungkan-Nya lebih-lebih lagi selepas hadapi masalah."

Terasa bagai dipujuk-pujuk hati Aisyah. Hatinya mengucap kagum dan syukur kepada Allah kerana memilih Amirah mendampinginya. Tidak semena-mena Aisyah teringat saat awal perkenalan mereka, di pondok wakaf yang sama. Aisyah yang tidak pernah berjauhan daripada keluarga, berseorangan menangis rindu mahu pulang.

Amirah yang kebetulan sedang mengambil angin di trek tepi tasik segera datang menghampiri dan mengusap belakangnya. Apa yang membuatkan Aisyah tertarik untuk mengenal Amirah adalah, tidak ada satu pun kata yang keluar dari bibir Amirah tentang mengapa Aisyah menangis. Dia cuma diam, menenangkan dan sabar menunggu Aisyah memulakan bicara. Seolah-olah menghormati dirinya yang tidak bersedia meluahkan apa-apa. Indah aturan Tuhan, mereka rupanya satu kursus Syariah pengkhususan Ekonomi Tahun Satu di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Kini, setahun berlalu dan Amirah masih lagi seperti pertama kali Aisyah kenal, tidak terburu-buru mahu tahu masalah orang lain dan tidak menganggap masalah rakannya seperti satu tugas yang perlu diselesaikan segera, tetapi sentiasa mengajak memperbaharui sudut pandang untuk belajar sesuatu yang baru.

"Sebelum kita pergi kafe beli makanan malam, kita baca doa rabithah dulu nak?" Tanya Aisyah memecah sunyi.

Benarlah, pertemuan merupakan sebuah misteri. Bagi Aisyah, misteri yang satu ini sangat indah, hingga dia mahu berjumpa lagi Amirah di syurga-Nya!

KECILKAN MASALAHMU DENGAN MELUASKAN PEMIKIRANMU



CINTAILAH DIRIMU

06

Hampir jatuh menanggung harapan,
Anganku tersadai ditengah lautan,
Ingin diriku utuskan perutusan,
Agar yang lain mendapat pengajaran.

Harapan dibina atas dasar cinta,
Asyik dan rindu pendorong bersama,
Bukanlah ia omongan sengketa,
Hakikatnya suci menidakkan nista.

Bencikan dirimu bukanlah jalan,
Teruk padahnya yang ditanggung badan,
Cintailah dirimu carilah kelebihan,
Ini yang pertama harus kau lakukan.

Jangan kau keluh hal yang tak perlu,
Menaruh perhatian mereka yang dungu,
Kau adalah permata dan bukanlah batu,
Maafkanlah mereka kerna mereka tak tahu.

Menyiksa diri melukakan jiwa,
Sentiasa membanding antara kau dan dia,
Berdarah hati menanggung luka dan lara,
Berhentilah dan lihat apa yang kau ada.

Usahlah difikir senangkan mereka,
Jika dirimu hanya menahan nanah dan bisa,
Lalu tampil berzahirkan senyuman dimuka,
Tapi menangis dibalik tirai sengketa.


Manusia itu bukanlah sempurna,
Kadang hidupnya diuji sengsara,
Terimalah sisi burukmu yang sentiasa ada,
Seperti kau suka baikmu diterima mereka.

Menyendiri bukan meluahkan sendu,
Bahkan merawat kesedihan yang sedu,
Nangislah, rintihlah jika itu perlu,
Melegakan luka dan lara yang ada dihatimu.

Carilah kembali di mana hatimu,
Ikatlah dia dengan cintakan Tuhanmu,
Kasih Tuhanmu usah kau ragu,
Kerna Dia lebih tahu tentang dirimu.

Ingin sekali ku coretkan segalanya,
Firasat yang terpendam jauh dilubuk jiwa,
Harap apa yang ku kata terbaik untuk semua,
Moga aku berjumpa denganmu di alam sana.

KEHENDAK NAFSU VS SURUHAN AGAMA



*"Jangan kamu berputus asa dengan rahmat Allah kerana hanya orang-orang kafir sahaja yang bersikap putus asa dari Allah."
(Surah Al-Zumar: 35)*

Sejak di bangku sekolah rendah, aku menyimpan sebuah cita untuk menjadi seorang yang berjaya dalam semua bidang. Kisahnya bermula dengan pembikinan buku skrap di sekolah rendah. Masih lagi teringat, muka depan buku skrap tertulis "Motto: Ingin Berjaya dalam Semua Bidang yang Diceburi." Ketika itu, tidak mengerti apa-apa maksud di sebalik impian itu, yang pasti aku sudah memenuhi butiran yang perlu ada dalam buku skrap itu. "Selesai!" ujar hatiku.

Impian itu adalah daripada Umiku. Sampai sekarang aku masih belum bertanya kenapa dan mengapa motto itu disandarkan kepada diriku. Begitu juga tertulis butiran "Cita-Cita: Pensyarah" yang juga aku tidak ketahui apa-apa ertinya seorang pensyarah. Ketika itu, cita-cita seperti kawan-kawanku yang lain, doktor, guru, juruterbang dan sebagainya.

Sehingga sekarang aku masih menyimpan motto yang sama. Padaku berjaya dalam bidang yang diceburi sebagai seorang pelajar adalah berjaya dalam akademik dan

kokurikulum. Dua aspek ini menjadi kayu ukur sebuah kecemerlangan bagi seorang pelajar sekolah rendah dan menengah. Syukur zaman sekolah rendahku aku bisa meletakkan diriku telahpun mencapai kejayaan bagi kedua-dua aspek ini. Meskipun pada ketika itu aku tersangat sukar untuk mendapatkan keputusan cemerlang dalam setiap peperiksaan terutama semasa darjah tiga dan empat.

"Tengok Aimi (Anak Cikgu Jani), *lintas doh* (mendahului kedudukan saya dalam keputusan peperiksaan)."

Namun akhirnya, usaha siang dan malam, aku berjaya menggapai keputusan yang cemerlang. Bukan sekadar akademik malah dalam kokurikulum.

Berbeza situasinya di sekolah menengah, aku boleh meletakkan diriku pada skala tidak berjaya mencapainya. Ya aku boleh berbangga dengan kejayaanku dalam kokurikulum namun tidak pada akademik. Sungguh pada alam sekolah menengah menjadi cabaran buatku untuk mengekalkan

prestasi akademik terutama pada tingkatan empat dan lima.

Ditambah kemalasan yang sentiasa menjatuhkan dan nafsu yang sentiasa menjerumuskan ke lembah dosa dan maksiat. Lebih menyedihkan lagi, aku gagal memenuhi impian seluruh warga sekolah termasuk pekerja, guru-guru, rakan-rakan dan junior-junior serta ibu dan ayahku. "Apalah nasibku ini!" kata hati kecilku.

Menjengah pula ke alam baharu, alam mahasiswa. Aku menjangkakan perjalanan hidupku akan menjadi lebih baik dari sebelumnya. Cukuplah dengan segala kelalaian dan kealpaan pada zaman sekolah menengah menjadi pengajaran buat diri. Namun pantai tidak selalu tenang, adakalanya ombak memukul dengan laju, angin ribut membada. Ujian di alam ini sungguh di luar jangkaanku. Semakin banyak ujian hidup (ujian diri sendiri), ujian daripada luaran dan segala macam ujian bertubi-tubi ke atas diriku.

Dalam diriku bergelumang dengan ujian, akan ada satu rasa, "Aku perlu kembali padaNya."

Syukur, Allah masih mengurniakan rasa tersebut. Ditambah pula dengan formulasi Surah Al-Zumar ayat 53 mafhumnya:

"Jangan kamu berputus asa dengan rahmat Allah kerana hanya orang-orang kafir sahaja yang bersikap putus asa dari Allah."

Ya, aku yakin dan percaya bahawa,

sejihat mana seorang hamba dengan Penciptanya. Hamba itu tidak boleh menafikan bahawa Penciptanyalah yang mengampunkan segala dosa, menyelesaikan segala kesulitan dan memberikan jalan keluar pada hamba-Nya. Maka dari sini aku melihat, jalan keluarnya adalah, kembali kepada-Nya.

Diriku tahu dan akui medan dunia ini adalah medan ujian sebagaimana kalam Allah dalam Surah Al-Mulk ayat 2 maksudnya:

"Yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun."

Maka medan ini harus ditempuh sehinggalah tiba saatnya bertemu Allah. Meskipun diriku ini terlalu lemah untuk menghadapinya, namun kata hati kecilku:

"Pasakkan keyakinan bahawa sentiasa menjadi lebih baik dan berbuat kebaikan meskipun dengan sebesar zarah akan membantu diri kamu, bisa berlayar dengan penuh keimanan dan ketaqwaan dalam menghadapi ujian itu."

Benarlah sabda Nabi SAW:

"Bertaqwalah kepada Allah dimana kamu saja berada, dan iringilah perbuatan yang buruk dengan yang baik nescaya dapat menghapuskannya." (HR. At Tirmidzi)

Suatu hari nanti, aku membayangkan diriku ini akan menjadi lebih lebih lebih dan lebih baik dari sebelumnya. Aku membayangkan kejayaanku dalam bidang yang ku ceburi akan menjadi kenyataan. Formulasinya telah ada daripada sepanjang perjalanan hidupku dari dahulu hingga sekarang. Kata Ustazah Norhafizah Musa dalam kuliahnya, "Formulasi menyelesaikan masalah hidup adalah dengan beristighfar kepada Allah dan bertaqwa pada-Nya." Sejak hari itu, bekal ini menjadi kekuatan buat diriku.

Benarlah jaminan jalan keluar segala permasalahan telah dirakamkan dalam Surah Al-Talaq ayat 2 dan 3:

"Barangsiapa bertakwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar."

Benarlah juga takwa (takut) kepada Allah adalah sumber segala kebaikan, sebagaimana sabda Nabi SAW bermaksud:


"Daripada Abu Dzar bahawa beliau telah meminta Rasulullah SAW memberikannya satu pesanan (yang berpanjangan) Rasulullah bersabda: semaikanlah rasa takut (bertakwa) kepada Allah, sesungguhnya takut kepada Allah itu kepala (sumber) bagi segala amalan kebaikan." (Hadis HR Ibn Hibban No: 361)

Dari semua ini, aku mengharapkan agar taqwa ini dapat dikekalkan dalam diriku sehingga bertemu dengan-Nya. Aku menyimpan hasrat agar aku bisa meninggalkan dunia ini dengan segala dosaku dihapuskan Allah. Aku terlalu mengimpikan aku bisa bertemu dengan Penciptaku dan Penciptaku Allah SWT mengisyharkan reda-Nya kepadaku dan memberikan salam buatku.

Firman Allah dalam Surah Yaasin ayat 58 dan 59:

"(Kepada mereka dikatakan), "Salam," sebagai ucapan selamat dari Tuhan Yang Maha Penyayang. Dan (dikatakan kepada orang-orang kafir), "Berpisahlah kamu (dari orang-orang mukmin) pada hari ini, wahai orang-orang yang berdosa!" Menadah doa.

MINDA POSITIF, MINDA SIHAT



ATURAN TUHAN BUKAN KEBETULAN

08

"Siapa yang berserah diri kepada Allah dan dia seorang muhsin, maka sungguh dia telah berpegang teguh pada buhul (tali) yang kukuh. Hanya kepada Allah kesudahan segala urusan."

(Surah Luqman : 22)

Aku membaca kalam-Nya dengan penuh khusyuk sambil berfikir. Kadang manusia alpa dan lupa bahawa dunia ini bersifat sementara. Aku berjalan di atas muka bumi ini seolah-olah dunia ini akan kekal selama-lamanya. Sering mengharapkan tidak berjalan mengikut perancangan manusia tetapi percayalah bahawa ia berjalan indah mengikut aturan Dia Yang Maha Kuasa. Oleh sebab itu manusia akan mudah rasa kecewa dan berputus asa apabila takdir berlaku dengan cara yang menyakitkan.

Aku teringat kalam seorang pensyarah dalam kelas fizikal semasa semester akhir di APIUM:

Rukun Iman ada enam perkara, tetapi ada satu perkara dalam rukun ini yang tidak semua manusia mampu beriman dengannya iaitu Beriman Kepada Qada' dan Qadar. Tak semua umat Islam reda dengan ujian, musibah dan bencana apatah lagi ingin mengikhhlaskan.'

Sebenarnya setiap perkara yang terjadi sama ada buruk atau baik merupakan hadiah dari-Nya. Allah berfirman yang

bermaksud:

"Tetapi boleh jadi kamu tidak senangi sesuatu, padahal itu baik bagimu, dan boleh jadi kamu suka sesuatu, padahal itu tidak baik bagimu. Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui."

(Surah Al-Baqarah : 216)

Satu tamparan yang sangat hebat kepada diri apabila mendengarnya. Mungkin hati ini terlalu beriman kepada dunia sehingga tak mampu lepaskannya. Kadang terleka, kurang yakin dan tidak percaya hikmah terbaik daripada Allah Yang Esa. Sedangkan Allah sudah kata sesiapa yang berserah diri pada-Nya dengan penuh keimanan maka Allah akan mempermudah urusannya. Namun tidak semua manusia memaknai maksud kalam-Nya yang terdapat dalam kitab Al-Quran.

Dimana-mana kita sering dengarkan dengan ayat 216 Surah Al-Baqarah ini. Makna ayat ini kelihatan biasa namun ada kesan yang luar biasa apabila kita tadabbur dan memahami makna ayat ini. Dialog ini sebagai contoh:

"Alaa dah biasa dengar ayat ini, kau tak rasa apa yang aku rasa sebab bukan kau yang melalui. Sakit tau nak menerima. Allah tidak sayang aku ke?"

Aku termenung, mengimbuai semula kenangan semasa di kampus, ayat ini sering aku dengar daripada kawan semasa di kampus. Manusia yang tidak sempurna jadi aku sering mengingatkan kepada diri sendiri bahawa Allah tahu apa kita tidak tahu. Boleh jadi kita suka itu, tapi ia tidak baik bagi kita dan sebaliknya. Dengan itu kita perlu menuruti kehendak Allah kerana padanya terdapat kebaikan. Mungkin bukan sekarang akan terlihat semua hikmah tetapi akan ada sinarnya bila tiba masa yang terbaik untuk kita merasainya. Letakkan Allah di depan pada setiap urusanmu terlebih dahulu, pasti tenang untuk hadapinya. Percaya bahawa Allah sentiasa ada disisimu. Allah sentiasa cinta dan rindu hamba-Nya. Cara-cara Allah menunjukkan bahasa cinta-Nya ialah dengan memberi kecewa sehingga hanya pada-Nya kita menaruh sepenuh harapan.

Ada dua situasi berdasarkan pengalaman semasa di kampus aku jadikan sebagai pengajaran dan pedoman. Pertama ialah keadaan yang aku alami sendiri dan yang kedua ialah tentang orang sekeliling yang aku jadikan sebagai inspirasi perbaiki diri sendiri menjadi lebih baik.

Situasi pertama yang dialami sendiri, apabila masuk alam dewasa awal di kampus, aku mula belajar tentang erti reda dan ikhlas. Banyak perkara terpaksa dilalui walau peritnya hati dan perkara yang suka namun harus melepaskannya. Antara detik yang menguji ialah berkorban perasaan demi menjaga hati orang lain. Aku percaya mungkin ada juga yang pernah mengalami situasi ini. Situasi ini berlaku apabila aku bergerak kerja dalam persatuan disamping aku bertembung dengan kekangan lain bersama keluarga dan sahabat yang tidak pegang apa-apa jawatan. Dilema sebegini sangat biasa berlaku apabila beraktiviti sampingan di kampus.

Kita tidak akan mampu untuk memuaskan hati semua orang. Apabila kekangan hadir, bukan kita melarikan diri dengan menyepi sehingga timbul persepsi tetapi tangani dan hadapi. Formula utama untuk menanganinya adalah menyatakan dengan jelas bahawa kita tidak dapat memenuhi kehendak mereka dalam situasi yang berlaku. Kedua, turutan keutamaan hendaklah didahulukan. Yang terakhir, berdoa dengan penuh yakin dan percaya bahawa Allah akan lembutkan hati mereka untuk memahami kerana kita juga telah berusaha sehabis baik melakukan yang terbaik demi menjaga hubungan manusia dan Tuhan. Hati manusia Allah yang pegang, bukan kita.

Jangan berharap pada mereka untuk memahami kita kerana dunia ini bukan untuk digengami tetapi untuk dihadapi.

Aku bersyukur bahawa inilah kehidupanku tidak sama seperti yang lain. Kesibukan yang membawa kebaikan pasti ada ujian. Masih ada lagi yang lebih berat cabarannya. Tanpa disedari semua urusan dipermudahkan dan hubungan dengan kawan-kawan terjaga kerana mereka mula memahami keadaan kita. Masa aku tetap ada untuk mereka.

Aku mula sedar bahawa syukur akan menimbulkan rasa reda untuk mengikhlasakan semua aturan Tuhan yang sudah termaktub dalam hidup kita. Ada kata-kata yang aku sentiasa pegang:

'Mengejar kesempurnaan dalam hidup akan mematikan rasa syukur dalam kehidupan.'

'Syukur waktu bahagia menjadikan dirimu mudah bersyukur saat derita'

Firman Allah yang bermaksud:

"Dan di antara tanda kekuasaan-Nya adalah bahwa Dia mengirimkan angin sebagai pembawa berita gembira dan untuk merasakan kepadamu sebagian dari rahmat-Nya dan supaya kapal dapat berlayar dengan perintah-Nya dan (juga) supaya kamu dapat mencari kurnia-Nya, mudahan kamu bersyukur." (Surah Al-Rum : 46)

Situasi kedua, dalam kehidupan ada fasa kejatuhan dan putus asa kerana sebuah kehilangan serta kesamaran dalam hubungan. Ada fasa di mana kita harus menerima, mendengar dan melihat semua perkara yang kita tidak rela untuk

melaluinya. Aku sering masuk ke dalam perbincangan masalah kawan-kawan yang bertanya soal perasaan dan cinta.

Antaranya seperti masalah tersuka tanpa sengaja, terberi harapan tanpa sedar dan berharap kepada yang tidak pasti. Perkara ini kelihatan kecil sebab melibatkan perasaan yang tidak terlihat jelas dengan pancaindera. Namun begitu, kesannya amat bahaya kepada jiwa dan fikiran seorang manusia yang mempunyai rasa dan hati. Luka di tangan boleh hilang dengan begitu sahaja, luka di hati boleh menyebabkan seseorang itu hilang percaya pada Tuhannya sehingga kehidupan terus dibelenggu dengan perasaan yang tersakiti. Selain itu, jika terkena kepada seorang pelajar yang masih bertatih dalam menguruskan perasaannya boleh menjadi kemurungan yang berpanjangan kerana menanti keadaan akan kembali seperti diingini.

Solusi yang kukira terbaik dalam hal ini ialah jangan menjadikan manusia itulah sebagai tempat pergantungan sehingga melupakan Dia. Seterusnya, mengawal perasaan dengan berdoa dan memohon petunjuk yang terbaik kepada Allah. Selain itu, jangan mulakan perhubungan andai tidak bersedia dan berterus terang andai tidak menerima. Kesamaran akan menyebabkan manusia tertanya-tanya dan seharusnya kita tidak membiarkan dia tergapai-gapai sendiri mencari jawapan. Di samping itu, memaafkan diri sendiri jika bukan kita yang dia inginkan. Tak semua perkara kita akan dapat memilikinya, kadang-kadang ada

perkara yang kita harus melepaskan. Dengan izin pasti hati akan lebih rasa tenang untuk meneruskan kehidupan seperti biasa tanpa perlu berlebihan dalam melayani perasaan yang hanya membuang masa.

Pengharapan pada manusia kesannya ialah luka dan kecewa. Justeru itu, sederhana dalam setiap perkara dan jangan lupa pada Sang Pencipta. Bukanlah kesabaran jika masih mempunyai batas dan bukanlah keikhlasan jika masih merasakan sakit.

Sesungguhnya dalam perjuangan untuk merelakan yang seharusnya pergi, pelangi menanti. Ketenangan yang dicari sebenarnya bermula dari hati yang tulus menerima tanpa mempersoalkan mengapa. Kebahagiaan yang dinanti bermula dari hati yang percaya akan takdir-Nya yang akan diganti dengan sesuatu tidak disangka-sangka. Pesan seorang ulama:

"Ikhlas adalah melupakan pujian dari manusia dan hanya terus mencari reda dari Sang Pencipta. Barangsiapa menghiasi dirinya di hadapan manusia dengan sesuatu yang tidak dimilikinya, maka ia telah jauh dari rahmat Allah." - Ibn Al-Qayyim

Selepas selesai mengimbas perkara lalu aku yakin sebenarnya reda itu ikhlas bukan tanda menyerah. Reda itu memaafkan yang menyakitkan. Reda itu mensyukuri yang sentiasa ada. Reda itu fahami bahasa cinta Tuhan dengan penuh percaya. Tidak lagi mencari ketika hilang. Tidak lagi merayu ketika ingin melepaskan. Tiada ungkapan kenapa dan mengapa. Apabila reda, sifat syukur hadir tanpa diundang dan merelakan dengan ikhlas kerana Allah.

Jalani aja kehidupan seperti biasa.

Kamu luar biasa.

Tenang, bahagia akan tiba.

Kerana kita masih belum ada di Syurga.

DUNIA DI TANGAN, AKHIRAT DI HATI



"Baiknya hubungan dengan Allah akan menterjemahkan baiknya hubungan kita dengan manusia".

Secangkir kopi kali ini terasa pahit tidak seperti selalu. Pahit yang sebelum ini aku nikmatinya berbeza pada saat ini. Ada air mata yang bersulam sekali bersama hirupan namun bukannya air mata itu masin? Mengapa kali ini terasa pahit hingga untuk menongkah kehidupan terasa begitu sulit? Atau kopi ini cuma keluaran terbaru dan hanya aku yang terlalu beremosi? Penat untuk berfikir mengapa pahit kopi kali ini terlalu berbeza aku putuskan untuk terus sibukkan diri menghadiri kuliah dan mesyuarat persatuan seperti selalu.

Menjalani kehidupan dan kesibukan mahasiswa yang tidak hanya tuntutan terhadap pendidikan dengan hadir ke kuliah semata-mata memang memaksa aku untuk menyusun komitmen dan mengurus tekanan. Ya, tekanan yang menekan aku setiap detik untuk mencari solusi terbaik dalam segala hal. Kopi sudah habis tapi tanggungjawab masih tersisa. Aah nama juga kehidupan! Memikul nama mahasiswa ternyata tugas yang besar. Sesak fikiranku bila memikirkan arus kehidupanku seakan tak terpandu meskipun setiap hari tuntutan mahasiswa aku jalani seperti biasa. Mungkin kerana pada saat ini ada hal menjadi tekanan besar untukku apabila sahabat, Hanan sudah jarang menyapa aku. Kesibukan yang ada menjarakkan kami. Tapi, aku yakin bukan itu hal masalah sebenarnya.

Meneliti perkembangan diri soal ibadah harian, khusus dan umum aku jalannya saban hari tanpa tinggal bahkan bertambah saban detik ada rentak yang sangat pincang tidak seperti dahulu? Menikmati setiap nafas dengan indah, menjiwai setiap ibadah yang dilakukan. Hadir jiwa sepertimana hadirnya aku dahulu ke majlis-majlis memuji

...DUKUNGAN HIMMAH

Rasulullah. Sekalipun komitmenku yang bertambah dengan keinginan yang kuat terhadap khidmat kepada komuniti kampus dan sekitar, aku akui ia tuntutan fardhu kifayah dan setiap amal kebaikan itu pasti diganjar pahala. Entah mengapalah tenangku dalam menikmati manisnya iman makin menjauh. Lafaz-lafaz Al-Quran yang meniti di bibir tidak lagi menggetarkan rohaniku. ALLAH! Bantulah aku.

Tenang, di manakah dikau? Sunyi, mengapa mesti kau hadir?

Sedang aku asyik refleksi diri mencari di mana kurangnya momentumku saat ini serta sepihnya Hanan dari tatapan dan keakraban, terimbau pesannya pada detik akhir sebelum keretakan hubungan ini dirasakan. Katanya *"Ibadah tu bukan sahaja soal kuantitinya tapi kualitinya. Jadilah orang berilmu dalam ibadah, bukan hanya banyak ibadah tapi tiada ilmu. Kena selami makna disebalik ibadah tu. Faham sahaja tidak berguna. Sah ibadah belum jamin kesempurnaan ibadah kita diterima."* Hanan, sahabat yang ku cintai kerana Allah. Sungguh aku rindukan bait nasihat darinya. Bait-bait yang membangun karakterku dari sang pecundang yang gagal mengawal diri tatkala amarah menguasai diri kepada perindu signal cinta dari Maha Pencinta.

Malamnya sudah berlabuh.

Seusai solat Isyak dan witr tadi buku As-Syamil Muhammadiyah aku capai baca sementara menanti mesejku terhadap Hanan berbalas. Dalam keasyikan hayati peribadi Rasulullah yang tercatat dalam As-Syamil Muhammadiyah, aku akui ia sukar tanpa bimbingan guru. Mencontohi peribadi keluarga ulama juga sangat sulit inikan peribadi para sahabat dan Rasulullah. Yang pasti, apa pun alasannya aku mesti berusaha mencontohi mereka. Namun pada tika ini juga aku dikecewakan oleh usahaku sendiri. Masuk kali ini sudah 20 kali sapaanku di *whatsapp* dan panggilan telefon tidak berbalas. Ada masalahkah dia? Hanan yang juga rakan sebilikku sudah tidak lagi tinggal bersama. Terdahulu sudah dia daftar keluar dari kolej kediaman tanpa aku tahu sebabnya. Saat itu aku sendiri terlalu sibuk dengan mesyuarat dan program persatuan.

Tidak lagi dapat bertahan, aku menangisi diri yang barangkali menjadi sebab terbesar mengapa keretakan hubungan ini berlaku. Sudahlah Hanan menjauh kini jiwaku juga terkontang-kanting dalam memaknai manisnya iman. Segalanya tidak kena! Tenang yang semakin luntur. Kesesakan hati yang menghimpit tiap saat memikirkan dua hal ini. Rasanya ingin rebah. Sungguh aku kini merangkak dalam gelapnya mencari jawapan pada setiap persoalan dalam diri. Mengimbas kata guru dalam memohon petunjuk mesti ada *istikharah* dan *istisyyarah* maka dalam tiap doaku di saban detik aku mulakan langkah untuk *istisyyarah*. Moga Allah pandu perjuangan batinku ini dalam mencari dan mengenalNya. Juga mencari tiap jawapan mengapa hubungan antara manusia ini menjejaskan hubunganku dengan DIA.

Pagi ini aku disoal Fatimah yang juga rakan organisasiku. Tepatnya kami bersama dengan Hanan dalam organisasi ini. Tidakku sedar rupanya dalam mencari persoalan dalam diriku hal yang satu ini terabai sekali. Aah jujur sekali aku tiada kekuatan dan semangat lagi untuk terus bersama organisasi memikirkan arus batinku sudah tidak lagi lancar. Mahu sekali mencari diri yang sebenarnya. Yang mengimbangi keperluan dan keutamaan dalam setiap tindakan. Yang sangat gemar menikmati apa jua takdir yang tertulis.

"Fatimah. Egoakah aku bila aku asingkan diri sekarang? Aku tolak semua pelawaan orang untuk aku terlibat aktif dan progresif dalam tempoh ni. Pentingkan diri ke aku ni bila menafikan kepentingan berk komuniti dan organisasi sedangkan aku sedar masalah umum lebih utama?" Aku mulakan cerita kepadanya dengan persoalan. Aku harap dia memahami caraku bertindak balas sepertimana Hanan memahamiku. Terlalu banyak hal yang ku fikir hingga menjejaskan kualiti khidmatku pada komuniti kampus dan sekitarnya bahkan terutamanya pada ibadahku sekalipun kuantitinya makin meningkat.

"Imtinan, kalau penat boleh rehat. Kami tiada masalah kalau kau nak rehat. Berapa lama kau nak rehat kami okay je. Bila kau dah bersedia kami akan sambut kau. Kami cuma tak nak hilang kau macam mana kami hilang Hanan." Tanpa sebarang tanda Fatimah sudah menangis teresak. Seketika aku jadi keliru. Hanan hilang? Apa maksudnya? Mengapa terlalu banyak persoalan yang harus aku hadapi? Menemui

titik solusi ini bersendirian sungguh aku resah bahkan takut. Terus aku tanyakan mengapa Fatimah berkata sedemikian. Namun Fatimah sendiri tiada jawapannya.

Kelu lidah aku jadinya. Seakan-akan tanggungjawab baru sahaja dipusatkan kepadaku. Mencari titik penyelesaian terhadap hal-hal yang terjadi. Tak mahu lagi melengahkan waktu aku temui Ustazah Munirah. Manis orangnya. Seakan pudar kegelisahan aku saat ini. Wajahnya terlalu damai menghilangkan retak dan belahan di emosi dan jiwaku. "Saya faham keadaan awak Imtinan. Subhanallah sayangnya Allah buat awak", lembut sekali tuturnya. Tapi masih aku samar dalam memahaminya. Apa kaitannya dengan Allah sayang dengan hal yang menimpaku? Kekusutan demi kekusutan tanpa ada sebarang tanda pengakhirannya.

Cerita-cerita yang berselirat dalam fikir dan perasaanku terasa sulit untuk dibicarakan. Aku hanya ingin mengisi kekosongan, kesepian dan kegelisahan yang mengikat ketat batinku. Malu pada hakikat sebenarnya walaupun sambung pengajian agama tapi hati aku sendiri masih tidak dapat dididik dan disiplin dengan sempurna. Remuk perasaan ini hanya aku yang jiwai, bagaikan kaca-kaca yang bertaburan itulah yang aku rasakan bila hati tidak tenang. Terus memoriku memutarakan kembali kalam Syeikh Abd Qadir Al-Jailani *'terkadang yang membuatmu gelisah bukan kerana musibah yang menguji tapi bahasa rindu Allah yang gagal difahami.'* Allah, maafkan ku. "Imtinan, awak pelajar syariah kan?", soal Ustazah Munirah. Aku hanya mengangguk. Masih fokus.

"Rasa sunyi dan kosong adalah bahasa rindu dari Allah. Batin memaksa kita untuk tunduk dan cinta pada Pencipta. Itu kenapa sebanyak mana pun ibadah dan pemahaman kita terhadap hukum syarak, selagi hati dan jiwa tak disuburi dengan *mahabbah* kita tidak dapat berdiri dengan teguh. Rasa sesak, sempit, gelisah akan sering menghambat kita walaupun sebenarnya sesuatu tu remeh sahaja. Tapi kita gagal mengawalinya", ujar Ustazah Munirah yang ku kira ia sebagai mukaddimah perbualan panjang hari ini.

"Imam Malik pernah menyebut sesiapa yang mempelajari ilmu fiqh tanpa tasawwuf, maka dia telah *fasiq*. Barangsiapa mempelajari ilmu tasawwuf tanpa ilmu fiqh, maka

dia telah menjadi *zindiq*. Manakala barangsiapa yang menghimpunkan kedua-dua ilmu tersebut, maka itulah sebaik-baik dan sesempurna perkara. Tidak cukup dengan memahami akidah dengan benar dan ibadah yang sah, kita juga memerlukan santunan tasawwuf. Rohani kita dahagakan perhatian dari Allah sayanku. Jadilah insan yang Allah reda dan awak juga meredai setiap pemberian Allah baik ia ujian mahupun nikmat", jelas Ustazah Munirah lagi.

"Hati ini sifatnya berbolak balik sayang. Peganglah hati dan jiwa ini dengan *mahabbah* dan *tawajjuh* kepada Allah. Surah Al-Kahfi ayat 10, barangsiapa yang mengharap pertemuan dengan Allah hendaklah dia beramal soleh dan jangan mempersekutukannya dengan sesuatu pun. Kita semua nak pandangan Allah kan? Kadang bila kita rasa penat sangat-sangat, mental letih dan rasa yang sulit untuk diterjemahkan; tak mengapa sayang untuk rasa begitu. Itu lumrah cuma ada hati yang perlu dijaga dari berpaling kepada dunia. Ikhlas kan ya." Allah, maafkanku! Tubuh ini bergetar hancur.


"Begitulah Imtihan. Bebanan yang kita pikul di bahu ini ada hikmah yang perlu diresapi. Mulakan dengan ikhlas dahulu sayang. Memang tak mudah untuk ikhlas tapi setidaknya mesti usaha. Untuk mengenali dan tenggelam dengan cinta pada Rabb itu harus diingat satu perkara. Baiknya hubungan dengan Allah akan menterjemahkan baiknya hubungan kita dengan manusia. Dua hubungan ini jika selamat di dunia maka selamat juga di akhirat. Cubarefleksikan barangkali dalam kosongnya awak meraba mencari dimana letaknya nikmat ibadah itu ada pada titik perhubungan persahabatan kamu dengan Hanan", pujuk Ustazah Munirah lagi.

Sepertinya aku mula memahami apa tindakan selanjutnya yang patut ku ambil. Doa ini tidak putus agar segera berakhir segala hal yang mengganggu perjalanan ini. Dengan *inayah* dari Allah, jalan ini dibukakan seluasnya apabila secara tidak sengaja aku terjumpa Hanan di masjid yang pernah kami hadiri daurah bersama-sama. Segera aku capai tangannya menjauh dari kerumunan jamaah yang lain. Aku mulakan perbualan dengan memohon maaf dan mohon agar diredakan setiap yang telah aku lakukan padanya. Mengakui diri yang boleh saja melukainya tanpa sedar.

Melihat wajahnya yang sebak seakan aku dapat meneka apa perasaannya saat ini. "Kau yang pertama cari aku selepas beberapa tempoh aku menjauh dari semua. Masih seperti dulu ya? Pantang aku berjauhan sikit mesti cari, haha. Aku pun minta maaf. Ada urusan yang aku kena selesaikan. Doakan saja aku dipermudahkan urusan. Ingat, apa pun jadi bersamalah dengan Allah selalu. Ya, Allah selalu bersama kita tapi sejauhmana kita bersama dengan Allah? Menikmati cintaNya dengan ketaatan dan tunduk sepenuhnya tanpa ragu. Oh ya, ini nombor baru aku tau. Nombor sebelum ini tak boleh guna." Ujar Hanan menghulurkan secebis nota tertulis nombor telefonnya. Patutlah tak pernah berjawab rupanya tukar nombor baru. Seperti yang aku jangkakan dalam setiap butir katanya pasti ada nasihat. Mendengar penjelasannya aku sedikit tenang. Rindunya!

Kerana masalahnya tidak mahu diceritakan, aku putuskan untuk menghormati keputusannya. Pasti ada sebab lain. Tetaplah menghormati. Teringat perbualan terakhir sebelum kami berpisah. "Lepaskan duniamu sahabat", bisiknya perlahan di telingaku menggetarkan rohani dan jasadku. Bagaikan tahu peperangan di batinku. Rupanya aku masih ada dunia yang bertahta di hati, masih sakit ketika dipijak dunia yang kejam malah merasa tiada salahnya aku dalam perjalanan ini sedangkan sepatutnya aku menikmati rasa sakit ini. Rasa ini kiriman dari Allah sebagai tanda cintanya. Demikian aku mula memahami *himmah* dan semangat ini pudar kerana aku gagal memahami isyarat cinta dari Allah. Bangunkan *himmah* yang sudah rapuh dan cintailah jalan ini wahai hati! Allah, cintakan aku pada apa yang menyampaikan aku pada cintaMu.

AKU YANG SEKARANG BUKANLAH YANG DULU



Ku terjaga dari lamunan mimpi,
Tersedar dari lautan fantasi,
Alangkah indah jika ia memori,
Namun sayang ia jauh dari realiti.

Dalam sujudku selalu diriku mengadu,
Dalam nyanyiku selalu diriku berlagu,
Doaku yang jitu harap moga yang satu,
Kurniakanku bahagia, hanya itu ku mahu.

Sedih,
Tangisku ketika rakan taulan ketawa,
Senyum mereka menambah lagi luka,
Seringku soal mengapa ku di dunia,
Bak di neraka namun mereka bak di syurga.

Pedih,
Fakta kenyataan yang harus kutelan,
Auta dan helah dunia harus ku bertahan,
Syariat Tuhan harus kuikutkan,
Ku persoa mengapa ku perlu dipenjarakan.

Sedar,
Rupanya punca diri tak ketahuan,
Mempersoalkan akan undang-undang Tuhan,
Hanya kerana sifar ilmu yang kusimpan,
Didadaku hanya penuh dengan kejahilan.

Mekar,
Setelahku mengaji, teliti juga talaqqi,
Baru ku faham erti bahagia hakiki,
Hatiku berbunga mekar bak matahari,
Diri redha sejati dengan arahan Rabbi.

Maksud,
Disebalik setiap larangan Tuhan,
Padanya ada berjuta hikmah buat insan,
Penjamin bahagia sekarang dan masa depan,
Maqasid syariah tidak menzalimi insan.


Palsu,
Jika kau rasa mereka bahagia,
Berpegangan tangan konon tanda setia,
Lihat pada statistik juga laporan media,
Berapa ramai mereka yang menyesal akhirnya.

Tipu,
Janji bersama hingga ke syurga,
Setelah bunting terus hilanglah dia,
Konon setia hingga ke penghujung nyawa,
Namun hakikatnya setia tiada.

Sudah,
Cukuplah sudah mencari bahagia palsu,
Yang menjadi fenomena itu bukanlah fardhu,
Abaikan adat masyarakat jika itu,
Menyalahi syariat Tuhanmu yang satu.

Tamat,
Akhir kata buat ingatan untuk semua,
Kembalilah kepada Tuhan yang Maha Esa,
Kerna bahagia itu Dialah pemiliknya,
Patuhi syariat-Nya nescaya engkau perolehnya.

BAHAGIA ORANG BERIMAN



"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Surah ar-Ra'd: 28

sakinah

Tahniah! Kerana sudah sampai ke muka akhir.

Semoga 'Lubang di Hati' dapat menemani pembaca dalam perjalanan hari ini mengenal sebahagian makna hidup. Kalau hari ini tidak menjadi teman dalam perjalanan, esok akan tiba.

Aksara-aksara dalam 'Lubang di Hati' bertujuan untuk membangkitkan semangat dalam jiwa manusia dan pulang kepada nasihat agama. Entah berapa lama kita terhuyung-hayang begini. Entah kenapa kita terlalu lemah menghadapi semua ini.

Khusus buat diri yang sedang bergelut untuk mengubah peribadi menjadi lebih baik namun masih mencari-cari kekuatan diri dan hala tuju, peluang sentiasa ada di setiap saat kita berfikir untuk menjadi lebih baik :)

afiqahrazlee

Pengkreatif

Tim Risalah APIUM

